

Berita@UTeM

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



Salam Aidilfitri

Bismillahirrahminirrahim
Assalamualaikum wrt wbkth

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana masih meminjamkan kita umur untuk melalui Ramadhan yang mulia ini. Ramadhan semakin di penghujungnya dan fajar Syawal akan terbit menandakan tamatnya kewajipan kita berpuasa. Besarnya fadhilat Ramadhan yang mendidik kita untuk menundukkan hawa nafsu bukan sahaja terhadap makan dan minum tetapi juga mendidik peribadi menjadi muslim sejati dengan menjaga semua pancaindera dari melakukan keburukan.

Di bulan Ramadhan ini kita menjaga percakapan dari menuturkan sesuatu yang tidak berfaedah seperti mengumpat dan fitnah, mata dan telinga dari melihat dan mendengar perkara yang mungkar, mencegah tangan dari melakukan kerosakan sama ada melalui kekerasan fizikal mahupun menulis sesuatu yang mencemarkan. Kita melatih diri untuk mengerjakan pelbagai amalan yang dituntut seperti meningkat amalan solat sama ada solat tarawikh, bersembahyang sunat, bertadarus, bersedekah, berzakat, berzikir dan sebagainya. Kita merasakan Ramadhan ini benar-benar menjadikan kita manusia yang cukup mulia dengan perasaan kehambaan kepada Allah yang

Maha Esa dan menjalinkan kekuatan ukhwah sesama muslim serta ikatan keinsanan dengan kehidupan duniawi ini.

Berakhirnya Ramadhan, fajar Syawal menyambut kita dengan lafaz membesarkan Allah diiringi takbir Aidilfitri. Menyambut Hari Raya Aidilfitri dengan jiwa luhur merupakan kemenangan kepada umat Islam yang berjaya menyempurnakan dirinya berpuasa melawan hawa nafsu. Umat Islam meraikannya dengan perasaan penuh kesyukuran di samping mengambil kesempatan untuk bernaaf-maafan. Inilah

kesempatan kepada kita semua untuk berlapang dada menghulur tangan saling bernaaf-maafan memohon supaya diampunkan segala dosa dan silap yang pernah kita lakukan kepada ibu bapa, sahabat, staf, jiran dan sesiapa sahaja. Sebagai insan biasa di dunia ini, kita melakukan kesalahan dan kesilapan sama ada secara sengaja atau sesuatu yang tidak disengajakan.



ISSN 1985 - 4706



03

Begitu jua saya insan biasa yang diberi amanah oleh Allah untuk menggalas tanggungjawab sebagai Naib Canselor, menyusun sepuluh jari memohon maaf kepada seluruh warga kerja dan mahasiswa-mahasiswi UTeM terhadap segala kekhilafan yang pernah saya lakukan. Memikul tanggungjawab ini amatlah besar untuk dilaksanakan, namun begitu berkat iringan doa, harapan dan semangat dari seluruh warga Universiti kita teruskan jua perjuangan untuk mengangkat imej institusi pengajian tinggi negara seperti yang dicita-citakan.

Selangkah demi selangkah, hari demi hari, masa silih berganti, UTeM mencecah umurnya hampir sembilan tahun dan akan menyambut konvokesyennya yang kelima. Amanah yang telah ditunaikan hanya sebahagian dan masih banyak lagi amanah yang menanti untuk disempurnakan. Kejayaan menyempurnakan Ramadhan menggamit kita untuk meniti dan melakarkan lebih banyak episod-episod kecemerlangan supaya kita dapat mewariskan kemanisan ini kepada generasi akan datang. Syabas dan tahniah kepada seluruh warga Universiti yang telah turut bersama menjayakan agenda membina modal insan negara. Di sini kita disandarkan harapan untuk membina mercu kejayaan dan kita telah dapat menjayakannya bersama.

Ramadhan Al-Mubarak telah dilalui dengan seteguh keimanan, kita melakukan kebajikan dan amalan dengan sungguh-sungguh tanpa alpa. Momentum perjuangan ini perlu diteruskan supaya kita menjadi manusia yang berjaya dengan rasa kesedaran yang mendalam. Roh atau semangat Ramadhan ini perlu disematkan dalam sanubari kita supaya ia menjadi renungan bagi kita memuhasabah diri meningkatkan kualiti perkhidmatan. Kesatuan rasa sebagai satu ummah perlu disuliti dengan kesepakatan dan pemuafakatan seluruh warga UTeM bagi menjayakan agenda Universiti yang telah ditetapkan.

Saya sekali lagi menyusun sepuluh jari bagi diri saya dan bagi pihak ahli keluarga saya memohon maaf zahir dan batin kepada seluruh warga Universiti terhadap ketelanjangan kata, kekasaran perbuatan yang mungkin telah menyinggung perasaan mana-mana pihak. Harapan saya sekembalinya kita dari berhari raya nanti kita teruskan usaha gigih dengan perasaan lapang dada. Sepanjang perjalanan berhari raya berhati-hati menuju destinasi. Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri.

**Kemuliaan Ramadhan hangat terasa
Puasa ditunai demi yang Maha Esa
Fajar Syawal semakin menjelma
Doakan amalan ibadah puasa kita Allah terima**

Sekian terima kasih

LG
173
.M44
.B47
2009
a
July-Aug

Das daripada
PROF. DR. AHMAD YUSOFF BIN HASSAN
Naib Canselor
Universiti Teknikal Malaysia Melaka




Assalamualaikum WBT. Bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana kita telah berkesempatan menyempurnakan ibadat puasa Ramadhan 1430H. Menjelang hari lebaran, saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh warga UTeM. Maaf zahir dan batin dipohon atas segala kesilapan sepanjang saya berkhidmat sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa).

Y. Bhg. Dato' Prof. Dr. Mohd Nor bin Husain
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Assalamualaikum WBT. Memanjat syukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana telah berkesempatan untuk menyempurnakan ibadat puasa bulan Ramadhan 1430H ini. Kunjung tiba Syawal ini, saya, isteri, keluarga dan seluruh warga kerja Pejabat TNC (P&I) ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh warga UTeM dan ingin memohon maaf zahir dan batin atas segala kesilapan sepanjang saya berkhidmat sebagai Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTeM. Semoga berbahagia di samping keluarga tercinta ketika menyambut hari lebaran.

Y. Bhg. Datuk Prof. Madya Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)



Saya bagi pihak seluruh warga kerja Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni mengucapkan Selamat hari Raya Aidil Fitri dan Maaf Zahir Batin kepada seluruh warga UTeM, pelajar dan Alumni dengan ucapan:

"Semoga bergembira bersama keluarga tersayang, berhati-hati di jalan raya dalam musim perayaan serta pastikan anda semua kembali cergas, aktif dan cerdas untuk Pesta Konvokesyen UTeM ke 5".

Prof. Dr. Zolkepli bin Buang
Dekan HEPA

Saya serta keluarga dan mewakili seluruh staf Pejabat Pendaftar ingin mengucapkan SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI, MAAF ZAHIR & BATIN kepada semua pembaca Berita@UTeM dan berterima kasih khusus kepada pihak Pengurusan Universiti, staf dan mahasiswa UTeM yang telah memberikan sokongan kepada terlaksananya penanggung jawaban tadbir urus pejabat ini. Semoga persefahaman dan keserasian ini dapat diteruskan.

Hasan Bin Sirun
Pendaftar



Bismillahirrahmanirrahim..Assalamualaikum WBT, Saya sekeluarga dan seluruh warga Pejabat Bendahari ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri dan maaf zahir batin kepada seluruh warga UTeM. Semoga perayaan tahun ini disambut dengan penuh meriah di sisi keluarga tersayang selain membawa keinsafan kepada kita semua selepas sebulan menunaikan ibadah puasa di bulan Ramadhan yang penuh berkat ini. Sekiranya pulang ke kampung, berhati-hati di jalan raya. Janganlah dibiarkan anggota keluarga di kampung menanti kepulangan anda dengan linangan air mata. Sekian.

Khairul bin Taib
Bendahari UTeM



Syawal menjelma lagi bersama seribu rahmat. Semoga disambut dengan hati yang suci, sesuci bacaan al-Quran, sehening air wuduk, semerdu alunan zikir dan setenang hati yang tiada rasa benci dan dendam. Bergemanya takbir Syawal, sedangkan tidak berkesempatan untuk bertatap dan tangan masih tidak sempat berjabat, di sepanjang pertemuan ada tersilap kata, terkasar bahasa yang terguris hati secara tidak disengajakan. Izinkan saya seisi keluarga dan seluruh staf perpustakaan menyusun rapi sepuluh jari memohon kemaafan dan keampunan zahir dan batin, agar jalinan ukhuwah serta kasih sayang tersulam rapi sepanjang waktu. Salam Aidilfitri buat semua yang dihormati dan disayangi semoga hari-hari yang mulla ini kita lalui dengan mendapat keredaan, kasih sayang dan dirahmati Allah s.a.w. Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri 1429 H dan Berhati-hati Sepanjang Perjalanan Balik ke Kampung dan Selamat Bertugas Kembali. Wassalam.

Hjh. Faridah binti Hj. Md. Amin
Ketua Pustakawan



LG173.M44 .B47 2009 July-Aug



87516169

ISSN 1985 - 4706



9 771985 47 0003

KANDUNGAN

PERJUMPAAN BERSAMA
TIMBALAN MENTERI PENGAJIAN TINGGI

UTeM ANJUR MESYUARAT KERJASAMA
NAIB CANSOLOR DALAM MTUN

MAJLIS ANUGERAH SUKAN UTeM 2008
(MASUTeM 08)

PERASMIAN MICROSOFT OUTLOOK LIVE

MAJLIS CERAMAH SEMPENA
ISRA' DAN MI'RAJ 1430 H

MENTERI PENGAJIAN TINGGI MELAWAT UTeM

PENGANJURAN SKIKS 2009 MENEPATI MATLAMAT

UTeM PRIHATIN NASIB RAKYAT PALESTIN

TAKLIMAT ANUGERAH KUALITI PENGURUSAN
PROJEK (AKPP) 2009

CERAMAH EKSEKUTIF: PELUANG PENYELIDIKAN
DALAM KESELAMATAN JALAN RAYA

MAJLIS MEMPERINGATI HIROSHIMA DAN NAGASAKI

LAWATAN INDUSTRI KE MIGHT DI PUTRAJAYA

PROGRAM INTEGRASI INSAN TERBILANG SIRI II/09

KUNJUNGAN PROF. ALI EYDGAHI DARI
AMERIKA SYARIKAT

LAWATAN OLEH DELEGASI DARIPADA
UNIVERSITY OF SOUTHERN QUEENSLAND

UTeM TANDATANGANI MEMORANDUM
PERJANJIAN DENGAN UDINUS

LAWATAN KE JERMAN BAGI MENINJAU
PELUANG KERJASAMA PENYELIDIKAN

REKREASI BERSAMA NC

EDITOR BERITA@UTeM

KETUA EDITOR :
PROF. MADYA MOHD RAHIMI BIN YUSOFF

PENOLONG KETUA EDITOR :
FARADILA BINTI MD. YUSOF

WARTAWAN :
RUZAIMAN BIN ABDUL RAHMAN
BOB FAIZELI BIN MOHAMED DIN

GRAFIK & REKALETAK :
AZIZA BINTI MD BUANG
SURIA BINTI ABDUL RAHMAN

JURUFOTO :
MD. NOR BIN MOHAMAD SALEH
NURULIDAYU BINTI TALIB
MOHD FARID BIN SUPANGI

PENGEDARAN :
AL ROHAIYA BINTI ADANAN

URUS SETIA :
AZLINAH BINTI AJIS
azlinah@utem.edu.my



Perjumpaan Bersama TIMBALAN MENTERI PENGAJIAN TINGGI

15 Julai 2009 : Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Y.B. Datuk Saifuddin Bin Abdullah telah meluangkan masa untuk bersama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), pemimpin kelab dan persatuan pelajar serta staf Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UTeM baru-baru ini.

Perjumpaan yang sangat bermakna bagi seluruh warga kerja HEPA dan para pemimpin pelajar ini berlangsung di Dewan Auditorium Canselori. Terdahulu, Y.B. Datuk Saifuddin telah disambut oleh Y.Bhg. Naib Canselor, Dekan HEPA dan para Pegawai Kanan Universiti setibanya beliau di perkarangan Bangunan Canselori. Dekan HEPA, Prof. Dr. Hj. Zolkepli Bin Buang ketika berucap merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Y.B. Datuk Saifuddin kerana memberikan sokongan padu kepada UTeM dan sentiasa mengambil berat terhadap isu-isu berkaitan mahasiswa.

Perjumpaan pada kali ini turut menyaksikan sesi dialog bersama Y.B. Datuk Saifuddin. Para pemimpin persatuan pelajar dan MPP telah mengambil kesempatan untuk berdialog mengenai pelbagai isu terutamanya peranan dan hala tuju mahasiswa bagi merealisasikan wawasan negara.

Secara keseluruhan, perjumpaan yang julung kali diadakan ini telah berjaya merapatkan hubungan sediakala erat di antara Kementerian Pengajian Tinggi dan UTeM. Keprihatinan dan amanat yang telah disampaikan oleh Y.B. Datuk Saifuddin akan sentiasa dijadikan pedoman oleh seluruh warga kerja UTeM dan para mahasiswa.

UTeM ANJUR MESYUARAT KERJASAMA NAIB CANSOLOR DALAM MTUN

11 Julai 2009 : UTeM telah menganjurkan satu mesyuarat bersama Naib Canselor-Naib Canselor yang menyertai Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (Malaysian Technical University Network-MTUN) hari ini. Universiti yang terlibat ialah Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (UTHM) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Naib Canselor UTeM, Prof. Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan itu bagi membincangkan mengenai pelbagai isu berkaitan kerjasama antara Northern Consortium United Kingdom (NCUK) dan MTUN. Kerjasama ini dilihat dapat membantu dalam memantapkan hala tuju pendidikan tinggi berasaskan teknikal yang semakin mendapat perhatian ketika ini.

Usaha positif ini adalah salah satu program yang dilaksanakan oleh MTUN bagi meningkatkan taraf pendidikan negara di samping mengukuhkan kedudukan universiti yang menjadi ahli setanding dengan universiti tersohor yang lain.



Majlis Anugerah Sukan UTeM 2008 **MASUTeM 08**

16 Julai 2008 : Sebanyak enam anugerah telah disampaikan bersempena Majlis Anugerah Sukan UTeM 2008 yang berlangsung dengan meriahnya di Dewan Auditorium Canselor. Majlis telah disempurnakan oleh Y. Bhg. Prof. Dr. Ahmad Yusoff Bin Hassan, Naib Canselor UTeM.

Majlis yang dianjurkan oleh Pusat Sukan ini bertujuan untuk menghargai jasa dan pengorbanan semua pihak yang telah bertungkus lumus mengharumkan nama universiti dalam bidang sukan terutamanya para atlet, pasukan, jurulatih serta pengurus.

Anugerah yang disampaikan adalah berdasarkan kepada beberapa kriteria pemilihan seperti penglibatan dan pencapaian cemerlang atlet dalam acara sukan peringkat universiti, Sukan Badan Berkanun, Sukan Antara Universiti serta kejohanan jempunan. Rekod pencapaian pasukan dan pengurusan pasukan yang teratur turut diambil kira sebagai salah satu kriteria penganugerahan.

Sekalung tahniah kepada penerima anugerah MASUTeM 08:

Atlet Serba Boleh Lelaki	Shahran Bin Moksen @ Mohd Hussin Sukan: Olahraga
Atlet Serba Boleh Wanita	Norashikin Binti Hashim Sukan: Bola Jaring
Pasukan Terbaik	Pasukan Bola Jaring
Pengurus Terbaik	Nasri Bin Md Yusof Sukan: Karom
Jurulatih Terbaik	Mazran Bin Esro Sukan: Ping Pong
Anugerah Khas: Penggiat Sukan	Datuk Prof. Madya Dr. Abu Bakar Bin Mohamad Diah



Perasmian **MICROSOFT OUTLOOK LIVE**




31 Julai 2009 : Selaras dengan hasrat untuk mewujudkan budaya tanpa kertas (paperless) dan meningkatkan keupayaan emel pelajar, Pusat Komputer telah mengambil inisiatif dengan memperkenalkan Microsoft Outlook Live baru-baru ini.

Majlis perasmian yang dianjurkan oleh Pusat Komputer dan HEPA telah disempurnakan oleh Naib Canselor UTeM, Prof. Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan disaksikan oleh Dekan-dekan fakulti, Pengarah-pengarah pusat dan wakil pelajar.

Menerusi program Outlook Live, ia menawarkan simpanan data yang lebih komprehensif dan mudah dicapai sama ada melalui internet mahupun telefon mudah alih. Ia turut menawarkan 10GB emel mailbox dan 25GB simpanan secara online.

Wakil daripada Microsoft Malaysia turut hadir bagi menyampaikan taklimat mengenai ciri-ciri istimewa Outlook Live kepada para hadirin. Semoga dengan penggunaan Outlook Live di kalangan pelajar dan pensyarah akan dapat memudahkan komunikasi dan urusan pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih efisien.



Majlis Ceramah sempena **ISRA' DAN MI'RAJ 1430H** UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



10 Julai 2009 : Bagi memperingati salah satu peristiwa besar dalam Islam iaitu Isra' dan Mi'raj, Pusat Islam telah menganjurkan ceramah yang disampaikan oleh Y. Bhg Dr. Zulkifli Al-Bakri, ahli Majlis Fatwa Negeri Sembilan bertempat di Auditorium, Bangunan Canselor.

Ceramah yang disampaikan oleh Y. Bhg Dr. Zulkifli mengajak para hadirin mengimbas kembali peristiwa Isra' dan Mi'raj yang dilalui oleh Rasulullah S.A.W serta bukti kekuasaan Allah S.W.T. Kupasan yang mendalam terhadap peristiwa tersebut nyata menarik perhatian setiap hadirin yang terdiri daripada warga UTeM dari pelbagai PTJ.

Hadir sama pada majlis tersebut ialah Y. Bhg. Prof. Dr. Ahmad Yusoff Bin Hassan, Naib Canselor UTeM yang diiringi oleh Ust. Ahmad Ridzuan Bin Mohd Noor, Pengarah Pusat Islam, En. Khairul Bin Taib, Bendahari UTeM dan Pegawai-pegawai Kanan yang lain.

Adalah menjadi harapan penganjur agar ceramah seumpama ini dapat meneguhkan kefahaman terhadap peristiwa yang sangat bersejarah bagi umat Islam dan secara tidak langsung mendekatkan diri seseorang kepada Allah S.W.T



UTeM PRIHATIN NASIB RAKYAT Palestin

Nasib rakyat Palestin di Semenanjung Gaza yang sentiasa ditindas oleh masyarakat Israel mendapat perhatian warga UTeM dengan berlangsungnya Program Amal untuk Palestin-Dengan doa dan Harapan yang Optimis pada 1 Julai 2009.

Majlis yang berlangsung di Auditorium UTeM, Bangunan Canselori itu adalah anjuran PUSPANITA UTeM dan mendapat kerjasama MAWADDAH, sebuah persatuan bukan kerajaan (NGO) Malaysia yang giat memperjuangkan hak rakyat Palestin. Tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Naib Canselor UTeM, Prof. Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan, Pengerusi PUSPANITA UTeM, Puan Sara binti Ayob, pegawai-pegawai kanan dan staf UTeM.

Pada majlis ini telah diadakan sesi ceramah dan penyampaian cek sumbangan oleh UTeM dan PUSPANITA UTeM agar dapat disalurkan untuk rakyat Palestin di Gaza. Sumbangan ini adalah hasil kutipan derma serta pelbagai aktiviti yang telah dilakukan oleh PUSPANITA UTeM bagi mengumpul dana.

Dengan program ini membuktikan bahawa UTeM sebagai sebuah universiti yang giat memperkasakan program akademik dan penyelidikan turut prihatin dengan nasib rakyat yang kurang bernasib baik. Semoga dengan penganjuran program seumpama ini akan dapat memastikan kewujudan UTeM memberi manfaat kepada masyarakat secara keseluruhan.



CERAMAH EKSEKUTIF: PELUANG PENYELIDIKAN DALAM KESELAMATAN JALAN RAYA

21 Julai 2009 : Kadar kemalangan jalan raya yang semakin meningkat saban tahun memerlukan kajian yang terperinci mengenai kaedah mahupun teknologi yang sesuai dibangunkan sebagai langkah pencegahan juga sebagai penyelamat nyawa manusia. Menyedari kepentingan ini, Pusat Jaringan Industri dan Masyarakat (ICNet) dan Jabatan Keselamatan Jalan Raya Negeri Melaka telah menganjurkan Ceramah Eksekutif bertempat di Auditorium Bangunan Canselori.

Ceramah yang bertujuan untuk membuka peluang penyelidikan bagi sektor keselamatan jalan raya disampaikan oleh En. Norazle Sulaiman, Pengarah Jabatan Keselamatan Jalan Raya Negeri Melaka. Beliau telah menghuraikan dengan terperinci peluang-peluang penyelidikan dan turut memperkenalkan beberapa gajet yang telah berada di pasaran hasil penyelidikan yang dilakukan oleh pelbagai pihak.

Perkongsian idea dan huraian En. Norazle telah menarik minat dan mengundang banyak soalan daripada para pemsyarah yang hadir semasa sesi dialog diadakan. Ternyata ceramah sebegini telah membuka ruang kepada penyelidik UTeM untuk menyumbang kepakaran dalam penciptaan peralatan yang boleh mengurangkan kadar kemalangan serta menyelamatkan nyawa manusia.



TAKLIMAT ANUGERAH KUALITI PENGURUSAN PROJEK (AKPP) 2009

3 Julai 2009 : UTeM sekali lagi menempa sejarah apabila telah di senarai pendek bagi Anugerah Kualiti Pengurusan Projek (AKPP) 2009. Anugerah ini merupakan salah satu kategori yang terdapat di dalam Anugerah Kualiti Sektor Awam (AKSA) yang dipertandingkan setiap tahun. Bagi memastikan persediaan yang rapi menjelang persembahan akhir di hadapan juri di Putrajaya, satu sesi taklimat kepada Pengurusan Tertinggi Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah diadakan di Bilik Mesyuarat Senat. Taklimat tersebut dipengerusikan oleh Y. Brs. Dr. Ramli Bin Hasan, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) KPT.

Sebanyak tiga projek UTeM telah terpilih bagi mewakili IPTA ke peringkat seterusnya. Projek tersebut adalah Bangunan Canselori, Pusat Komputer dan Dewan Siber (Pembangunan), Projek Bahagian Pangajian (FRGS) dan Projek Bahagian Basiswa (SLAI).

Semoga projek-projek yang berjaya di senarai pendek untuk pertandingan tersebut akan berjaya merangkul anugerah yang dipertandingkan. Untuk mendapatkan maklumat lengkap mengenai kategori-kategori yang dipertandingkan di dalam AKSA serta keputusan-keputusan rasmi yang lain, layarilah laman web MAMPU di alamat berikut: www.mampu.gov.my.





Lawatan Kerja

Y.B. DATO' SERI MOHAMED KHALED BIN NORDIN **MENTERI PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA**

17 Ogos 2009 : Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin telah mengadakan satu sesi Lawatan Kerja ke Kampus Induk Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) hari ini.

Ketibaan beliau di Bangunan Canselori UTeM pada jam 2.15 petang telah disambut oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Dato' Dr. Mohd. Taib bin Hashim, Naib Canselor UTeM, Prof. Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan, Ahli-ahli Lembaga Pengarah UTeM, pegawai-pegawai kanan universiti dan staf UTeM. Beliau seterusnya diberikan taklimat mengenai perkembangan universiti oleh Naib Canselor UTeM.

Semasa sesi lawatan ini, UTeM mendapat khabar gembira oleh Menteri Pengajian Tinggi yang menawarkan agar UTeM membuka Pusat Asasi Teknikal yang pertama di Malaysia. Menurut Dato' Seri Mohamed Khaled, kewujudan UTeM adalah signifikan dengan kemajuan perindustrian negara yang memerlukan pekerja berpengetahuan (K-Workers) dan mampu menghadapi segala cabaran dalam bidang pekerjaan yang semakin kompleks. Namun kemasukan pelajar lepasan SPM atau Matrikulasi dalam bidang teknikal adalah tidak memenuhi syarat untuk melayakkan diri bagi meneruskan pengajian di UTeM. Oleh itu penubuhan Pusat Asasi Teknikal ini mampu membantu para pelajar agar mereka boleh melanjutkan pelajaran mereka dalam bidang teknikal.

Dato' Seri Mohamed Khaled dalam ucapannya menyampaikan perasaan bangga dengan perkembangan yang dialami oleh UTeM walaupun baru berusia 8 tahun. Niche area (bidang teras) iaitu Teknologi Pembuatan Termaju (Advanced Manufacturing Technology-AMT) yang sedang dilaksanakan di UTeM adalah sangat relevan dengan matlamat penubuhan UTeM dan beliau percaya UTeM mampu bersaing di antara 20 Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia dalam menghasilkan graduan berkemampuan tinggi.

UTeM ketika ini menawarkan program pengajian dalam bidang kejuruteraan, IT dan pengurusan teknologi menerapkan konsep AMT di dalam semua proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan. AMT ini adalah salah satu pendekatan yang menekankan konsep pintar dalam semua aplikasi teknikal yang diajar. Konsep ini dipilih kerana ia adalah salah satu pendekatan yang paling efektif dan ia juga seiring dengan perkembangan sektor perindustrian yang mementingkan aplikasi berteknologi tinggi.

Bagi memastikan segala perancangan ke arah tersebut, Kementerian Pengajian Tinggi juga menganjurkan agar UTeM menubuhkan sebuah Centre of Excellence yang akan menumpukan kepada keberkesanan niche area yang sedang dilaksanakan. Ia adalah sebuah teras yang amat efektif untuk kemajuan negara terutamanya dalam sektor perindustrian yang menjadi salah satu sumber pendapatan negara.

Dalam ucapannya lagi, beliau menyampaikan satu berita baik kepada warga UTeM kerana UTeM akan diberikan status MSC di atas pencapaian yang memberangsangkan. Dengan pemberian status ini diharapkan agar UTeM akan dapat bergerak lebih maju dan seiring dengan universiti-universiti tersohor yang lain.

Selepas sesi taklimat, Dato' Seri Mohamed Khaled telah dibawa melawat ke Makmal Robotik untuk melihat hasil inovasi para penyelidik di UTeM dan juga meninjau sekitar Kampus Induk UTeM yang kini sedang giat dibangunkan. Kampus Induk UTeM yang berkeluasan lebih kurang 726 ekar ini sedang giat dibangunkan dengan ciri-ciri keseimbangan antara teknologi tinggi dan kelestarian alam semula jadi. Kampus ini akan menempatkan pusat pentadbiran dan semua fakulti kejuruteraan di UTeM.



PENGANJURAN

SEMINAR KEBANGSAAN KEMAHIRAN INSANIAH DAN KERJA SOSIAL

SKIKS 2009



24 Julai 2009 : Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Dato' Seri Mohamad Khaled bin Nordin mengucapkan tahniah kepada UTeM yang telah berjaya menganjurkan Seminar Kemahiran Insaniah dan Kesejahteraan Sosial (SKIKS) 2009 buat kali ke-2 dengan jayanya.

Beliau merasmikan SKIKS 2009 yang berlangsung di Everly Resort, Tanjung Kling Melaka itu berkata, program seumpama ini amat penting kerana ilmu pengetahuan semata-mata tidak cukup untuk memastikan para graduan yang mampu memacu ekonomi Negara.

Menurut beliau, hasrat Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Razak yang mahu menjana ekonomi berasaskan inovasi adalah tidak akan terlaksana jika modal insan yang memacu ekonomi tersebut hanya mempunyai ilmu tanpa mempunyai sahsiah yang mantap.

Oleh itu pendekatan UTeM yang menggabungkan pendekatan ilmu dan kemahiran insaniah adalah sangat efektif bagi menghasilkan graduan yang berkemampuan tinggi. SKIKS 2009 ini berlangsung pada 24 hingga 27 Julai 2009 adalah anjuran Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan (PBPI) dengan kerjasama Institut Sosial Malaysia (ISM).

Turut hadir pada majlis perasmian tersebut ialah Pengerusi Jawatankuasa Negeri, Sains & Teknologi dan Sumber Manusia, Datuk Yaakub Md Amin, Naib Canselor UTeM, Prof. Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan, Pengarah Institut Sosial Malaysia (ISM), Prof. Madya Dr. Mohamed Fadzil Che Din, pegawai-pegawai kanan universiti dan peserta seminar.



MAJLIS MEMPERINGATI HIROSHIMA DAN NAGASAKI

6 Ogos 2009 : Pusat Jaringan Industri dan Masyarakat (ICNet) UTeM dan Persatuan Nuklear Malaysia telah menganjurkan Hari Memperingati Hiroshima dan Nagasaki bertempat di Puteri Resort, Ayer Keroh.

Majlis yang julung kali dianjurkan ini bertujuan untuk mempromosi dan mendidik masyarakat mengenai penggunaan sains dan teknologi nuklear secara aman bagi kegunaan sejagat di samping meningkatkan kesedaran terhadap salah guna teknologi nuklear.

Y.B Datuk Hj. Yaakub Bin Md. Amin, Pengerusi Jawatankuasa Negeri Pelajaran, Sains dan Teknologi dan Sumber Manusia telah merasmikan majlis tersebut. Ini diikuti dengan seminar berkaitan isu-isu nuklear yang disampaikan Dr. Jariah Bt. Mohamad Juoi, Ketua Jabatan Bahan Kejuruteraan FKP UTeM, Prof. Dr. Peter Davis, Saintis Pelawat UPM dan Dr. Nahrul Khair Alang Bin Md. Rashid, Presiden Persatuan Nuklear Malaysia.

Seminar pada hari tersebut dibahagikan kepada dua sesi iaitu pelajar sekolah menengah sekitar Melaka pada sebelah pagi manakala sesi untuk para penyelidik, pelajar pasca siswazah, pembantu penyelidik dan guru diadakan pada sebelah petang.



LAWATAN INDUSTRI KE MIGHT DI PUTRAJAYA

20 Julai 2009 : Naib Canselor UTeM, Prof. Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan dengan diiringi beberapa orang pegawai kanan UTeM telah mengadakan satu lawatan ke pejabat Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT) di Putrajaya.

Lawatan ini adalah salah satu usaha pihak universiti untuk meningkatkan kerjasama dengan pihak industri yang akan memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak. MIGHT adalah sebuah agensi bebas dan bukan berunsurkan keuntungan dianggotai oleh individu daripada kedua-dua sektor iaitu swasta dan kerajaan.

MIGHT berperanan untuk menjadi hub kepada industri dan kerajaan dalam membangunkan teknologi tinggi di Malaysia. Semoga dengan lawatan ini akan membantu UTeM untuk menghasilkan penyelidik berteknologi tinggi yang boleh dibangunkan untuk kesejahteraan semua.



PROGRAM INTEGRASI INSAN TERBILANG SIRI II/09

17-19 Julai 2009 : Kesenambungan Program Integrasi Insan Terbilang (PINTAR) yang dianjurkan oleh Unit Latihan, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia UTeM bersama Unit Latihan, Jabatan Pendaftar USM diteruskan lagi untuk siri kedua. Program pada kali ini melibatkan Ketua Jabatan, Penyelidik dan Pegawai HEPA UTeM berlangsung di Bukit Merah Lake Town Resort, Taiping.

Program seumpama ini bertujuan untuk memperkasakan semangat berpasukan serta merangsang ke arah perubahan positif selaras dengan misi dan visi Universiti. Turut didedahkan kaedah 'Logical Frame Analysis' yang merupakan kaedah analisis yang digunakan untuk merancang, mereka bentuk, melaksana serta menilai sesuatu projek melalui kerja berpasukan yang sistematik.

Seperti program yang terdahulu, para peserta kali ini turut merasai pengalaman membuat dan mengendalikan rakit di tasik. Ketika itulah semangat berpasukan diuji apabila yang rakit yang siap dibina dikehendaki berlumba dengan pasukan-pasukan lain.

Walaupun padat dengan pelbagai aktiviti dalaman dan luaran, semua peserta yang hadir amat berpuas hati dan berazam untuk mempraktikkan segala ilmu yang dipelajari demi menaikkan nama Universiti ke peringkat yang lebih tinggi.



LAWATAN OLEH DELEGASI DARIPADA UNIVERSITY OF SOUTHERN QUEENSLAND



Delegasi daripada University of Southern Queensland (USQ) yang diketuai oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan), Profesor Frank Bullen telah mengadakan lawatan kunjung hormat ke Universiti Teknikal Malaysia Melaka pada 20 Julai 2009. Mereka dianggotai oleh staf daripada semua fakulti di USQ.

Lawatan yang disambut oleh Bahagian Pembangunan Akademik & Antarabangsa itu bertujuan untuk bertukar-tukar pandangan dan berbincang mengenai penyediaan bersama dalam program PhD bagi mencapai sasaran MyBrain 15.

UTeM amat berbesar hati menerima kunjungan delegasi tersebut yang nyata mampu memberikan input bagi UTeM mengorak langkah bagi memperkasakan proses pengantarabangsaan universiti dan memantapkan mutu pendidikan yang ditawarkan di UTeM.

UTeM TANDATANGANI MEMORANDUM PERJANJIAN DENGAN UDINUS



Selaras dalam usaha untuk menyemarakkan lagi aktiviti pengantarabangsaan, UTeM telah mengambil inisiatif dengan menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) dengan Universitas Dian Nuswantoro (UDINUS), Indonesia. Majlis MoA yang telah berlangsung pada 6 Ogos 2009 itu diadakan di UDINUS Semarang Indonesia.

MoA ini akan meliputi dua bidang utama yang melibatkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan. Ianya adalah perjanjian dalam menganjurkan "Dual Master Degree Program in Computer Science by Taugh Course" dan "Joint Research in Information Technology and Communication (ICT) Related Field".

UTeM diwakili Naib Canselor UTeM, Y.Bhg. Prof. Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan dengan disaksikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Y.Bhg. Dato' Prof. Dr. Mohd. Nor bin Husain. Turut hadir adalah Dekan Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi UTeM yang juga selaku tuan rumah bagi menjayakan perjanjian tersebut iaitu Y.Bhg. Prof. Dr. Shahrin bin Sahib@Sahibuddin. Bagi pihak UDINUS pula, mereka diwakili oleh Rektor UDINUS, Y.Bhg. Dr. Ir. Edi Noersasongko, M. Kom dengan disaksikan oleh Ketua Yayasan UDINUS, Y.Bhg. Tri Rustanti.

LAWATAN KE **JERMAN** BAGI MENINJAU PELUANG KERJASAMA PENYELIDIKAN

KUNJUNGAN **PROF. ALI EYDGAHI** DARI AMERIKA SYARIKAT KE UTeM



Satu rombongan tiga orang penyelidik yang diketuai oleh Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE), Prof. Dr. Marizan bin Sulaiman telah membuat kunjungan ke Industri KUKA Roboter GMBH Ausburg Jerman pada 25 hingga 30 Julai 2009 yang lalu.

Lawatan tersebut adalah bertujuan untuk melihat peluang bagi membangunkan penyelidikan dan inovasi serta mengadakan kerjasama dalam bidang robotik dan industri automasi bersama pelbagai pihak di sana yang terkenal dengan teknologi dalam perindustrian berteknologi tinggi.

Para delegasi juga berkesempatan melihat teknologi terbaru yang digunakan di samping bertukar-tukar pandangan dengan para penyelidik di sana dalam memperkasakan teknologi robotik automasi yang sentiasa berkembang di seluruh dunia.


13 Julai 2009 : UTeM menjadi destinasi kunjungan Prof. Ali Eydgahi dari University of Maryland Eastern Shore, Amerika Syarikat. Beliau yang dalam rangka lawatan ke Malaysia merupakan Profesor Pelawat di Kampus Antarabangsa Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur.

Kunjungan beliau telah disambut oleh Y. Bhg. Datuk Prof. Madya Dr. Abu Bakar Bin Mohamad Diah, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTeM yang kemudiannya mempengerusikan perbincangan mengenai akademik serta pelbagai kepakaran yang terdapat di sini.

Perbincangan ini ternyata membuka ruang bagi para akademik UTeM untuk melihat penambahbaikan mutu pendidikan di universiti dalam konteks yang lebih luas dan global.



Lawatan SMK Juasseh, Kuala Pilah



Lawatan SMK Syarifah Rodziah



Lawatan SMT Gerik, Perak



Pameran Karnival pendidikan NS - Jempol



FOKUS Lensa



Pameran MRSM Merbok, Kedah



Pameran Kolej MARA Kuala Nerang



Pameran Pendidikan Tinggi di Rumah Media, Melaka



Pameran Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan



Pameran Rekreasi Inovasi & Penyelidikan di Hari Japerun Dun Ayer Molek



Pameran Robotik di Sekolah Menengah Sains Muzaffar Shah



Pameran Sempena Minggu Sains & Matematik



Lawatan Projek Penyelidikan Traktor Bersama Penyelidik UTeM



PROGRAM REKREASI BERSAMA NAIB CANSOLOR & FKEKK

11 Julai 2009 : Warga Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) sememangnya sangat bertuah ketika menyertai Program Rekreasi Bersama Naib Canselor yang dianjurkan buat kali yang keempat pada bulan Julai lalu. Mereka bukan sahaja berkesempatan berekreasi bersama Naib Canselor malahan turut berpeluang untuk berbasikal mengelilingi Kampus Induk bersama Datuk Seri Hj. Mohd Ali Bin Mohd Rustam, Ketua Menteri Melaka yang turut hadir pada pagi itu.


Walaupun cuaca agak mendung, ianya tidak mematahkan semangat warga FKEKK untuk meneruskan aktiviti pada pagi itu. Program dimulakan dengan sesi regangan otot yang dikendalikan oleh petugas rekreasi Pusat Sukan. Para peserta kemudiannya berbasikal mengelilingi Kampus Induk bersama-sama Naib Canselor dan Y.A.B Ketua Menteri. Hadir sama pada program ini ialah Prof. Madya Muhammad Syahrir Bin Johal, Dekan FKEKK dan Hj. Ismail Bin Abdol Jalil, Pengarah Pusat Sukan.

Aktiviti berbasikal telah membawa Y.A.B Ketua Menteri menjelajah ke seluruh pelusok Kampus Induk yang masih rancak dalam pembangunan. Sambil berbasikal, beliau turut diberikan maklumat ringkas mengenai tempat-tempat menarik di sekitar kampus.

Selain aktiviti berbasikal, program kali ini turut disertakan dengan kuiz kecergasan dan jamuan buah-buahan tempatan. Seluruh warga FKEKK yang hadir melahirkan rasa puas hati kerana berpeluang untuk mendekati dua pemimpin yang disegani itu.




Tahniah



Nama Staf : Azrai bin Abd Aziz
PTJ : HRD
Nama Anak : Nur Irdina Qhaleesya binti Azrai
Jantina : Perempuan
Tarikh Lahir : 28/08/09

1. Encik Mohamad Hadzri bin Ahmad (Pusat Komputer) Cahaya Mata Lelaki - 3 Julai 2009 (Jumaat)
2. Encik Mohd Fitri bin Suhaimi (Pusat Komputer) Cahaya Mata Perempuan - 4 Julai 2009 (Sabtu)
3. Puan Sharifah Nurul Faridah binti Syed Abu Bakar (BPAA, Canselor) Cahaya Mata Lelaki - 4 Julai 2009 (Sabtu)
4. Puan Irastika Murni binti Selamat (Pusat Komputer) Cahaya Mata Perempuan - 13 Julai 2009 (Isnin)
5. Puan Hayani binti Abu Yamin (Pusat Komputer) Cahaya Mata Perempuan - 21 Julai 2009 (Selasa)

Nama Staf : Mohd Hanif bin Harun
PTJ : FKM
Nama Anak : Ehsan Hafizi bin Mohd Hanif
Jantina : Lelaki
Tarikh Lahir : 09/07/09



Takziah AL-FATIHAH

Pihak universiti berasa amat dukacita dengan kehilangan dua orang pelajar yang telah meninggal dunia akibat dua kemalangan berasingan pada **28 Ogos 2009**. Mereka ialah:

Abdul Salam bin Hussin pelajar tahun satu **Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi**

Muhammad Arif bin Mohamed Yousop pelajar tahun tiga **Fakulti Kejuruteraan Elektrik**

Semoga roh mereka dicucuri rahmat hendaknya.
Amin.



Assalamualaikum WBT.

Memanjat penuh kesyukuran kita kepada Allah S.W.T kerana berjaya menyempurnakan ibadat puasa bulan Ramadhan 1430H ini. Tibanya Syawal ini, saya, isteri, keluarga dan seluruh jawatankuasa BAKUTeM ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri dan ingin memohon maaf zahir dan batin kepada seluruh warga UTeM atas segala kesilapan sepanjang saya berkhidmat sebagai Pengerusi BAKUTeM. Di kesempatan ini juga, saya ingin menasihatkan kepada semua untuk berhati-hati pulang ke kampung halaman dan semoga ceria dan bahagia di samping keluarga tercinta di hari lebaran.

**Sungai Melaka disusur berhari-hari
Menghala tujuan ke kampung halaman
Kami menyusun sepuluh jari
Salah dan silap harap maafkan**

Y.Bhg. Datuk Prof. Madya Dr. Abu Bakar Bin Mohamad Diah
Pengerusi BAKUTeM

Saya ingin mengucapkan, "Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin", kepada semua ahli PUSPANITA dan warga UTeM yang diingati lagi dihormati. Selamat bergembira dan bersyukur di atas kejayaan menumpas nafsu selama sebulan berpuasa. Semoga bertambah iman dan takwa sebagai bekalan untuk berjumpa Allah S.W.T. Tahniah! Semoga 1 Syawal pada tahun ini disambut dengan penuh kemeriahan dan kegembiraan di samping ibu bapa dan keluarga tersayang. Semoga amalan kita diterimanya. Amin. Wassalam.

Assalamualaikum WBT

Puan Sara Binti Ayob
Pengerusi PUSPANITA



Assalamualaikum wbt. dan Salam Sejahtera,
Sempena menyambut Syawal yang bakal menjelang tiba, saya bagi pihak Majlis Eksekutif UTeMASA ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI SERTA MAAF ZAHIR DAN BATIN kepada semua warga UTeM terutama kepada Pengurusan Tinggi Universiti, ahli-ahli UTeMASA, staf akademik, pentadbir-pentadbir Universiti serta staf sokongan. Semoga segala pekerjaan kita akan dirahmati dan diberkati Allah hendaknya di bulan yang mulia ini.

Y.M. Prof. Madya Dr. Raja Roslan bin Abd Rahman
PRESIDEN UTeMASA

Di kesempatan ini, saya bagi pihak PRAKTIS ingin merakamkan ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin kepada semua warga UTeM. Semoga Syawal kali ini akan membuka pintu keinsafan dalam diri kita dan semoga lebaran yang menjelang ini dapat dirayakan dengan penuh bermakna di samping keluarga tersayang. PRAKTIS juga ingin mengucapkan terima kasih di atas segala kerjasama, sokongan dan apa jua galakan yang diterima daripada semua pihak. Semoga UTeM akan terus maju di masa akan datang. Insya Allah.

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum wrt. Wrb. Dan salam sejahtera.

En Wahi bin Nordin
Presiden PRAKTIS



Assalamualaikum wrt. wbt.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Maaf Zahir Batin kepada semua warga UTeM terutama kepada Naib Canselor, pegawai-pegawai kanan dan tidak lupa kepada staf sokongan yang banyak memberi dorongan dan kerjasama kepada saya di dalam menerajui kesatuan di UTeM. Marilah sama-sama kita memajukan UTeM bagi mencapai visi dan misi serta ke arah kecemerlangan hingga ke taraf dunia. Semoga Allah SWT mengurniakan kepada kita semua kesihatan yang baik, rezeki yang murah dan panjang umur. Ikhlas dari saya dan keluarga.

Jamal Nasir bin Hj. Abdul Wahab
Presiden KEKUTeM



Seluruh sidang editor *Berita@UTeM* mengucapkan

Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin
kepada semua pembaca.